



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SCHOOL OF COMPUTING
Faculty of Engineering

UHMS1182-30 PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN
(APPRECIATION OF ETHICS AND CIVILISATIONS)

Ujian

Pensyarah : **Mr. Husain Mahmood**

NAMA: **WONG HUI SHI**

MATRIK.NO: **A20EC0169**

2. Jelaskan bagaimana faktor kerjasama antara penduduk dalam sesebuah negara boleh ditingkatkan untuk menjayakan peradaban.

Peradaban ialah satu bentuk perbincangan antara dua pihak atau lebih yang mewakili kepercayaan, ideologi atau pandangan berkenaan sesuatu isu dalam suasana yang beretika dan harmoni agar kebaikan dan kemaslahatan bersama boleh dicapai. Dalam bahasa Inggeris, peradaban bermaksud “civilization” yang berasal dari perkataan latin iaitu ‘civitas’ yang bermaksud kota atau bandar. Dalam bahasa Melayu pula, peradaban berasal dari akar kata ‘adab’ yang bererti seseorang individu yang mempunyai tingkah laku yang baik dan sesuai dengan persekitarannya. Istilahnya ialah ketamadunan dan kehidupan yang maju dari pelbagai aspek. Manakala dalam bahasa Arab, peradaban juga dikenali sebagai tamadun yang membawa maksud tahap perkembangan yang tinggi bercirikan bentuk negara dengan pentadbiran yang tersusun rapi, kehidupan bandar, sains, teknologi dan pendidikan yang mencapai perkembangan, arkitektur yang membina monumen dan bangunan besar dan aktiviti kesenian yang berkesan.

Dalam Wikipedia, kerjasama merujuk pada amalan seseorang atau kumpulan yang lebih besar yang bekerja di khayalak dengan tujuan atau kemungkinan kaedah yang diluluskan bersama secara umum, alih-alih bekerja secara berasingan dalam persaingan. Kerjasama boleh dilihat dalam pelbagai bidang. Contohnya, daripada bidang perniagaan, pertanian, kemasyarakatan dan sebagainya. Realitinya, amalan berkerjasama adalah satu nilai murni yang patut diterapkan dalam kehidupan bermasyarakat. Hal ini demikian kerana kerjasama antara penduduk amat penting dalam menjayakan peradaban. Contohnya, penduduk yang hidup bersama dapat saling menolong antara satu sama lain bukannya mementingkan ‘periuk nasi’ sendiri sahaja. Dengan adanya kerjasama, daya fokus seseorang itu akan menjadi lebih kuat pada tujuan. Hal ini membolehkan misi dan visi yang ingin dicapai. Kerjasama membolehkan ilmu dan pengalaman setiap orang dapat diambil sebagai pengajaran, iktibar dan motivasi. Dengan kepentingan-kepentingan ini, kerjasama antara penduduk dalam sesebuah negara amat penting dan haruslah ditingkatkan bagi menjayakan peradaban. Terdapat beberapa cara untuk meningkatkan kerjasama antara penduduk dalam sesebuah negara bagi menjayakan peradaban.

Antara cara meningkatkan kerjasama antara penduduk dalam sesebuah negara ialah mengukuhkan perpaduan antara masyarakat. Malaysia yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum mempunyai peluang yang baik untuk meningkatkan kerjasama antara penduduk dalam negara. Hal ini mewujudkan perpaduan antara penduduk yang berbilang kaum. Perpadaun

amat penting dan haruslah dipupuk dan dipelihara dalam meningkatkan kerjasama antara penduduk. Bak kata pepatah “bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat”. Dengan ini, hubungan antara penduduk dapat dieratkan, sikap kesefahaman dapat dikurangkan dan saling menghormati dapat diwujudkan antara satu sama lain. Kerjasama pasti dapat diwujudkan dengan adanya hubungan yang baik antara penduduk. Dengan ini, penduduk akan menjadi lebih bersatu padu apabila menimpa masalah. Jika berlaku masalah, penduduk juga akan mengatasi masalah tersebut bersama-sama. Dengan ini, kehidupan dalam suasana yang harmoni dan aman damai dapat diwujudkan. Hakikatnya, perpaduan dapat meningkatkan kerjasama antara penduduk disebabkan berbilang kaum. Dengan kerjasama yang wujud ditingkatkan, peradaban juga dapat dijayakan.

Selain itu, pihak kerajaan juga boleh mengadakan pelbagai aktiviti bagi meningkatkan kerjasama antara penduduk. Contohnya, pihak kerajaan boleh melakukan ceramah dan kempen-kempen kesedaran tentang kepentingan kerjasama bagi memupuk penduduk supaya mengamalkan kerjasama untuk membina sebuah negara maju yang seimbang bagi menjayakan peradaban. Ceramah tersebut boleh dilaksanakan secara percuma. Kempen-kempen tersebut haruslah diadakan secara besar-besaran dalam beberapa peringkat. Contohnya, dalam peringkat sekolah, peringkat negeri, peringkat kebangsaan dan juga peringkat antarabangsa. Kempen ini juga sepanjang masa. Selain daripada kempen, pihak kerajaan juga boleh mengadakan aktiviti seperti gotong-royong. Melalui gotong-royong, penduduk dapat mempelajari sikap kerjasama semasa melakukan sesuatu. Dengan ini, penduduk mempunyai pengalaman melakukan kerja dalam berkumpulan. Melalui kerjasama, penduduk boleh saling menasihati, memberi peringatan dan teguran antara satu sama lain. Dengan adanya kerjasama antara penduduk, penduduk dapat memperbaiki diri sendiri ke arah yang lebih baik sambil mejayakan peradaban.

Di samping itu, sikap individu juga amat penting bagi meningkatkan kerjasama antara penduduk. Penduduk haruslah berfikir dan bertindak positif untuk mengamalkan kerjasama. Sikap penduduk amat penting, penduduk haruslah sentiasa aktif melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti berkumpulan supaya dapat berkomunikasi dengan orang lain, kerja juga haruslah dilakukan secara berkumpulan supaya kerjasama dapat dipupukkan. Dengan adanya kerjasama dan komunikasi yang baik, perselisihan faham antara penduduk dapat dielakkan. Nilai bertolak-ansur dan toleransi dapat diterapkan. Penduduk akan menerima antara satu sama lain. Dengan ini, penduduk dapat

menolong antara satu sama lain. Perasaan tidak puas hati juga dapat dikurangkan. Penduduk haruslah cuba menerima pandangan orang lain dalam melakukan suatu perkara. Kerjasama amat penting semasa melakukan tugas secara berkumpulan. Oleh itu, kerjasama amat penting untuk dipelajari oleh penduduk. Penduduk haruslah berfikiran positif dan berlapang dada untuk menerima dan mempelajari kerjasama semasa menjalankan tugas berkumpulan. Dengan sikap penduduk yang positif terhadap kerjasama antara mereka, peradaban dapat dijayakan.

Kerjasama boleh ditingkatkan melalui cara-cara tersebut. Kerjasama amat penting dan patutlah ditingkatkan untuk menjayakan peradaban. Hal ini demikian kerana kerjasama antara penduduk membawa banyak kebaikan terhadap penduduk dan juga negara. Contohnya, kerjasama antara masyarakat dapat menjamin kesejahteraan dan keamanan sesebuah negara. Dengan ini, matlamat sesebuah negara boleh dicapai dengan lebih cepat, lebih banyak pandangan dan pendapat yang lebih kreatif dapat diperolehi. Demi kebaikan-kebaikan ini, kepentingan kerjasama dalam menjayakan peradaban dapat dilihat dengan jelas. Oleh itu, semua pihak haruslah memberi sumbangan dan berganding bahu untuk meningkatkan kerjasama antara penduduk. Walaupun kadangkala akan menghadapi masalah sosial, tetapi masalah tersebut dapat diselesaikan jika semua pihak berkerjasama dan menyumbangkan komitmen masing-masing. Jalan penyelesaian yang lebih produktif dan efektif dapat diperolehi, negara akan menjadi lebih maju dan masyarakat dapat hidup dengan aman damai, visi dan misi negara dapat dicapai. Dengan ini, peradaban dapat dijayakan dengan adanya kerjasama antara penduduk dalam sesebuah negara.

3. 'Etika menjadi penting dalam usaha menjayakan kemajuan dan pembangunan sesebuah negara'. Bincangkan pernyataan ini.

Etika amat penting dalam usaha menjayakan kemajuan dan pembangunan sesebuah negara. Contohnya, negara Malaysia. Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum yang memiliki ciri-ciri sosialnya tersendiri. Hal ini dapat dilihat pada bahasa, agama, kepercayaan dan cara hidup setiap kaum. Kaum yang terutama dalam negara Malaysia ialah Melayu, India, Cina dan orang asli, terdapat juga kaum Iban, Kadazan, Bajau dan sebagainya. Di Malaysia juga terdapat pelbagai kepercayaan agama iaitu Islam, Buddha, Kristian, Hindu dan Aties. Oleh ini masyarakat Malaysia merupakan masyarakat yang unik disebabkan perbezaan etnik dan kaum yang amat jelas dalam segala aspek kehidupan. Keharmonian dan kemajmukan Malaysia sering dicontohi oleh negara lain. Namun begitu, tidak dapat dinafikan masyarakat Malaysia kadangkala akan mengalami isu sensitif yang akan mengugat keharmonian serta kesejahteraan kehidupan. Hal ini akan menimbulkan masalah perkauman serta menjejaskan status ekonomi negara. Dengan adanya masalah-masalah tersebut, kemajuan dan pembangunan sesebuah negara akan dijejaskan. Oleh itu, etika memainkan peranan yang besar dan menjadi penting dalam usaha menjayakan kemajuan dan pembangunan sesebuah negara. Hal ini demikian kerana etika merupakan elemen yang amat penting dalam kehidupan manusia. Manusia yang beretika sentiasa dipandang mulia dari kaca mata masyarakat. Mereka sering dihormati. Dengan ini, pandangan serta idea mereka turut menjadi rujukan masyarakat lain. Sejak awal peradaban manusia, tamadun-tamadun utama dunia meletakkan etika setaraf dengan agama dan kepercayaan. Pada zaman dahulu, raja-raja menitahkan para sarjana dan pendeta mengarang pelbagai kitab etika dan menjadikan etika sebagai pedoman kehidupan untuk masyarakat.

Perkataan etika berasal dari perkataan Yunani kuno iaitu “ethos” yang bermaksud perangai, norma-norma, nilai-nilai, kaedah-kaedah dan ukuran bagi tingkah laku. Ethos juga membawa maksud perwatakan. Dalam bahasa Inggeris, ‘ethic’ bermaksud akhlak, kesusilaan, tatasusila. Manakala, ‘ethics’ bermaksud prinsip akhlak, ketatasusilaan dan ilmu etika. Menurut kamus lain, ‘ethic’ juga bermaksud ‘system of moral and principal rules of conduct’ yang bermaksud sistem prinsip akhlak, peraturan-peraturan perilaku. Manakala ‘ethics’ pula juga membawa maksud sains yang menumpukan perhatian kepada akhlak. Dalam bahasa Melayu pula, etika bermaksud kepercayaan ataupun tanggapan terhadap sesuatu perkara sama ada ianya baik, buruk, benar atau salah. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat pula, perkataan etika bermaksud prinsip moral atau nilai-nilai akhlak iaitu adat, sopan santun yang menjadi pengangan seseorang atau sekumpulan manusia. Etika juga melibatkan tanggungjawab dan kesan tingkah laku seseorang individu

terhadap masyarakat. Dengan kata lain, etika boleh didefinisikan sebagai amalan baik atau prinsip yang hendaklah diamalkan dalam kehidupan seharian. Etika mempunyai cabang pengertian yang luas sehingga merangkumi bidang pendidikan, perniagaan, hubungan kemasyarakatan dan juga hubungan antarabangsa. Dengan adanya etika dalam bidang-bidang tersebut, usaha kemajuan dan pembangunan negara dapat dijayakan.

Dalam bidang pendidikan, etika amat penting. Pendidikan amat penting untuk membina sikap seseorang. Ia akan mempengaruhi minda atau pemikiran, sikap, tingkah laku atau kelakuan seseorang. Oleh itu, pendidikan yang baik dan betul haruslah disediakan kepada generasi muda sekarang. Bak kata pepatah “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Dengan adanya etika dalam pendidikan, tingkah laku yang tidak beretika dapat dikurangkan. Dengan ini, etika amat penting bagi memandu pemikiran seseorang ke arah kematangan moral. Jika seseorang itu tidak beretika pelbagai isu yang menjejaskan imej seseorang akan timbul. Hal ini juga akan menjejaskan nama baik negara dari semasa ke semasa. Negara akan dipandang rendah oleh negara lain. Jika nama baik negara tercemar, ekonomi negara juga akan terjejas. Hal ini akan menyebabkan kemajuan sesebuah negara menghadapi cabaran. Dengan ini boleh dilihat dengan jelas betapa pentingnya etika dalam pendidikan untuk kemajuan dan pembangunan sesebuah negara.

Selain itu, dalam bidang hubungan kemasyarakatan pula, etika amat penting untuk mengendalikan tatacara kehidupan manusia dalam menguruskan individu, keluarga, organisasi dan masyarakat bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian. Contohnya, dalam konteks individu. Individu yang beretika mendapat ketenangan jiwa, kebaikan fizikal dan perasaan. Dengan ini individu tersebut dapat membina sahsiah diri yang baik kerana beliau memelihara dirinya dengan sifat-sifat yang terpuji. Dengan ini, individu tersebut akan dihormati oleh masyarakat. Masyarakat akan mengiktirafnya sebagai orang yang berbudi tinggi. Dalam konteks keluarga pula, etika merupakan salah satu elemen yang penting dalam pembentukan keluarga. Jika etika kekeluargaan dapat diwujudkan, kebahagiaan dalam keluarga dapat diwujudkan. Dalam organisasi pula, kestabilan sesebuah organisasi dapat ditentukan oleh etika. Etika dapat memelihara nilai-nilai murni organisasi dengan sikap bertanggungjawab dan toleransi antara satu sama lain. Etika juga dapat mempertingkatkan produktiviti, meningkatkan kredibiliti dan reputasi serta menjamin perkembangan yang berterusan organisasi tersebut. Dalam konteks masyarakat pula, etika memberi kesan yang baik dalam pemeliharaan keamanan, keadilan dan juga

kesejahteraan yang berterusan. Dengan adanya masyarakat yang beretika, persekitaran yang baik dapat dibentuk. Selain itu, masalah-masalah sosial seperti pembuangan bayi, rompakan, kecurian dan sebagainya dapat dihindari. Dengan adanya keempat-empat konteks ini, hubungan kemasyarakatan yang baik dapat dibentuk. Dengan ini, negara dapat dimajukan dengan lebih baik dan lancar tanpa masalah-masalah sosial yang akan menjadi halangan usaha pembangunan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana rakyat merupakan aset atau faktor utama bagi mencapai kemajuan negara.

Seterusnya, etika juga memainkan peranan yang besar dalam bidang perniagaan. Kelangsungan sesebuah perniagaan amat bergantung kepada nilai dan etika yang dimiliki oleh peniaga-peniaga yang terlibat. Jika sesebuah perniagaan itu berjaya meletakkan perkara nilai dan etika sebagai dasar utamanya maka berjayalah perniagaannya. Keadaan ini boleh dilihat daripada perkara-perkara dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh sesebuah perniagaan. Mereka yang mempunyai hubungan dengannya bukan sahaja mesti elok dari sudut strategi untuk meningkatkan jualan tetapi mereka juga mestilah mempunyai nilai moral dan etika dalam konteks yang sebenarnya. Dengan perniagaan yang beretika, di samping mengeratkan hubungan antara satu sama lain, kepercayaan sesama orang juga dapat diwujudkan. Dengan ini pemasaran sesebuah syarikat dapat diluaskan sehingga ke luar negara. Hal ini dapat mengharumkan nama baik negara kita sambil membawa negara menuju ke arah yang lebih baik. Hakikatnya, etika amat penting dalam perniagaan dan ia membawa baik faedah kepada kita, perniagaan beretika yang semakin luas dapat menjayakan usaha kemajuan dan pembangunan sesebuah negara.

Kehidupan yang beretika akan memastikan manusia melaksanakan kewajiban hidup yang memberi faedah kepada diri sendiri. Masyarakat yang beretika amat penting untuk sesebuah negara. Hal ini demikian kerana masyarakat merupakan elemen yang amat penting bagi sesebuah negara untuk melaksanakan usaha bagi menjayakan kemajuan negara tersebut. Dengan ini, negara tersebut dapat menjadi negara yang bersatu disebabkan oleh masyarakat yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh. Dengan ini rakyat dapat hidup dalam masyarakat yang demokratik, bertolak ansur, saling menghormati dan menyayangi, adil dari segi ekonomi. Jika sesebuah negara tidak mementingkan etika, banyak masalah akan timbul. Hal ini akan menyebabkan usaha kemajuan negara terhalang dan banyak cabaran akan dihadapi oleh negara tersebut. Oleh itu, semua pihak haruslah berganding bahu dan memainkan peranan masing-masing

dalam untuk menerapkan etika dalam pelbagai bidang supaya usaha kemajuan dan pembangunan negara dapat dijayakan.